

Semarak Rindu

PESTA

BUKU



Diselenggarakan oleh
Nor Azzah Momin
Azreena Surya Ahmad

GRUP PENGKARYA
PUSTAKAWAN

Semarak Rindu

PESTA BUKU

Diselenggarakan oleh
Nor Azzah Momin
Azreena Surya Ahmad

GRUP PENGKARYA
PUSTAKAWAN

Cetakan Pertama, 2024

© HAK CIPTA, GRUP PENGKARYA PUSTAKAWAN, 2024

Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbit atau dipindah dalam apa jua cara, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, salinan semula atau dalam apa jua bentuk sistem storan atau capaian, tanpa keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta dan penerbit.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-25758-2-5

Diterbitkan oleh:

GRUP PENGKARYA PUSTAKAWAN
(imprint Perusahaan Tukang Buku KM)
8, Jalan Puteri 2A/6, Bandar Puteri Bangi
4300, Kajang, Selangor, MALAYSIA

Direka bentuk dan dicetak oleh:

PERUSAHAAN TUKANG BUKU KM
8, Jalan Puteri Bangi 2A/6, Bandar Puteri Bangi
43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA
T: 03-8928 9899 | E: ibu.pejabat@tukangbuku.com
www.tukangbuku.com

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| Semarak Rindu Pesta Buku..... | 1 |
| Keterangan Di PBAKL..... | 7 |
| Beraksi di Pentas Utama PBAKL 2022..... | 12 |
| Pengalaman Indah di PBAKL 2022..... | 19 |
| Mencari Adam & Amany..... | 25 |
| Rindu yang Terubat..... | 33 |
| Sekali Mana Cukup!..... | 38 |
| Kenangan Pahit Manis PBAKL..... | 44 |
| Jejak PBAKL 2022..... | 52 |
| Tipah Tertipu | 58 |
| Kembara Buku Terindah | 63 |

TIPAH TERTIPU

Siti Azizah Md Nor

Gak nak!" Jawab mereka serentak tidak bersetuju dengan usulku supaya mereka tinggal sahaja di rumah sementara aku menghadiri seminar sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL).

'Ah, sudah! Macam mana nak buat ni?' getus hatiku. Perasaan membuka-buka mahu ke sana, tetapi anak-anakkku seramai enam orang itu hendak ditinggalkan di mana? Mereka semua mahu turut serta ke pesta buku. Terbayang wajah suamiku yang tegas. Sudah tentu tidak diberikan izin lantaran badai COVID-19 yang melanda negara masih belum betul-betul surut. Nafasku terasa seperti tersekat-sekat. Sesak dada dibuatnya.

Dalam diam, aku berdoa agar dipermudah segala urusan. Teringin untuk ke sana, sementelah dua tahun ia tidak kunjung tiba. Kini menjelma di depan mata, masakan aku ingin melepaskan peluang ini. Pencinta buku merangkap pustakawan sepertiku, wajib ke pesta buku setiap tahun. Macam mana sekalipun, aku tetap ingin pergi!

Aku berkira-kira mahu memberitahu rancanganku kepada suami. Namun, bagaikan menarik rambut di dalam tepung. Susahnya hendak kubuka mulut. Aku faham

benar, suamiku sangat berjaga-jaga tentang kesihatan anak-anak.

“Tak usah bawa anak-anak ke tempat ramai orang. Saya dah lah kerja *frontline* macam ni. Awak pun apa kurangnya, setiap hari jumpa orang tu, orang ni di pejabat. Kena hati-hati dan waspada selalu! Kalau seorang kena, berjangkit pula kepada yang lain. Anak kita enam, susah kita nanti!” Terngiang-ngiang suara tegas suamiku, selayaknya seorang anggota polis, tidak pernah jemu berpesan kepada si isteri.

Hatiku meronta-ronta saat bebola mata menatap iklan seminar penulisan sempena PBAKL 2022. Waktunya pula bertepatan dengan masa senggangku. Hari Sabtu, jam 2:00 petang!

Pada waktu pagi, aku perlu menyantuni para pelajar di Taman Ilmu dan Budi, Gombak. Sekiranya kelas ditunda, adalah terlalu mustahil memandangkan semester bakal berakhir tidak lama lagi.

Manakala hari Ahad pula, aku akan pulang ke kampung menziarahi bonda tercinta. Mustahil juga untuk menunda rancangan ini. Separuh daripada anak-anakku tinggal di asrama. Jadi, inilah sahajalah peluang yang ada untuk pulang ke kampung halaman bersama-sama. Dan, inilah juga satu-satunya peluang untuk aku ke PBAKL.

Nak tak nak, ku “angkut” semua anak-anak selepas berjaya meyakinkan ayah mereka. Kami berangkat selepas solat Zohor dan tiba di WTC sepuluh minit sebelum jam 2:00 petang.

Dalam kekalutan mencari bilik seminar, aku “rasuah” mereka dengan sedikit wang saku. Gembira dengan jumlahnya, mereka bersetuju untuk menjaga si kecil sambil

membeli buku di situ sementara ibu mereka berada di dalam bilik seminar. Kutinggalkan mereka dengan seribu-satu pesanan. Lega melihat senyuman pada wajah anak-anak.

Namun ada satu lagi perkara yang membuatkan jiwaku tidak tenteram. Putera tungggalku, Bukhari yang mengikuti lawatan ke PBAKL anjuran pihak sekolah perlu dijemput jam 5:00 petang. Seminar penulisan yang kuhadiri ini berakhir lebih lewat daripada itu. Pening aku memikirkannya.

Ting! Bagaikan mentol menyala, aku mendapat idea, ‘Bukhari, boleh tak awak minta izin daripada cikgu untuk balik dengan mak? Seminar ni habis lewat,’ jari-jemariku menari menaip mesej.

‘Cikgu kata boleh.’ Tidak sampai lima minit aku mendapat jawapan balas. Huh, lega sungguh!

Seminar X kekal menjadi tanda tanya sehingga terungkai pada petang itu di bilik Kuala Lumpur, WTC. Allahuakbar, rezeki tidak pernah tersalah alamat. Bukan sahaja aku dapat menambah ilmu secara percuma, malah dapat juga bertemu guru-guru dan rakan-rakan penulisan yang turut berada di PBAKL. Kusambar sahaja mereka untuk bergambar sebagai kenang-kenangan. Lepas juga rindu yang terbuku.

Usai seminar, aku cepat-cepat menghayunkan langkah untuk mendapatkan anak-anak yang setia menunggu di luar dewan. Mataku melilau melihat buku-buku yang dijual di situ. Sempat juga kurembat tiga buah buku.

“Mak nak solat dulu, lepas tu nak *round* tingkat bawah. Kau orang dah solat?” Soalku sambil mendakap si bongsu.

"Mak, payah solat di sini! Jomlah kita balik, solat di rumah!" Keruh wajah anak kembarku seolah-olah menagih simpati. Aku mengerti, situasi sekarang kurang sesuai untuk menggunakan tempat awam. Tanpa banyak soal aku memandu pulang.

"Banyak pula kereta, tak boleh laju. Sempat ke kita nak solat Asar di rumah ni?" tanyaku berulang kali.

Memahami perasaan gusar seorang ibu, si kembar membalas, "Boleh saja singgah mana-mana surau, mak!"

"Eh, tadi kata tak nak solat di surau?" Soalku kembali separuh menjegilkan mata.

"Sebenarnya, tak selesa sebab tandas di situ tak ada pili!" jawabnya jujur.

Pecah berderai ketawa kami petang itu. Aku memandu sambil tapak tangan melekap pada perut, menahan gelak. Geli hati mengenangkan alasan tidak mahu solat di WTC. Kusangka COVID-19 yang bahaya, tiada pili tandas rupanya!

Aduh, Tipah tertipu!



BIODATA PENULIS



SITI AZIZAH MD NOOR berasal dari Machang, Kelantan dan bertugas sebagai Pustakawan Kanan di Perpustakaan Dar al-Hikmah serta Jurulatih Sambilan bagi Kursus Kemahiran dan Pengurusan di Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UIAM. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat daripada universiti yang sama dan bergiat aktif dalam bidang penulisan.



Buku ini merupakan kompilasi pengalaman seramai 11 orang peminat buku yang telah berkunjung ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) tahun 2022, setelah dua tahun ia diadakan hanya secara dalam talian.

Mereka berkongsi keterujaan, pengalaman perjalanan, aktiviti yang disertai, para penulis yang ditemui, buku-buku yang dibeli dan banyak lagi.



ISBN 978-967-25758-2-5



9 789672 575825

Harga (SM/SS): RM24.00